

IN THE NAME OF ALLAH MOST GRACIOUS, MOST MERCIFUL
MUHAMMADIYAH ASSOCIATION

Registered under Societies Act. No.2273 / Charities Act. No. 0659 / Unique Entity No. S58SS0020C

14 Jalan Selamat Singapore 418534. Tel: 6242 7388 Fax: 6449 2781 Email: secretariat@muhammadiyah.org.sg http://www.muhammadiyah.org.sg



KENYATAAN MEDIA

Ref. No: MA/HQ/20/11-01

1hb November 2020

KEGANASAN DAN EKSTRIMISME BUKAN DARI AJARAN ISLAM YANG DIBAWA NABI MUHAMMAD ﷺ

1. Persatuan Muhammadiyah tidak menyokong dan mengutuk sebarang perbuatan kejam dan ekstrim berikutan dengan pembunuhan di Paris pada hari Jumaat, 16hb Oktober 2020 dan di Basilika Notre-Dame pada hari Khamis, 29hb Oktober 2020.
2. Segala pernyataan yang berunsur provokasi, fitnah mahupun mempersendakan mana-mana bangsa, agama mahupun simbol-simbol keagamaan adalah suatu perbuatan melampau yang perlu dielakkan. Sesuai dengan kenyataan Miguel Angel Moratinos, Ketua Perikatan Peradaban, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada hari Rabu, 28hb Oktober 2020: "Menghina agama dan simbol suci keagamaan menimbulkan kebencian dan pelampauan ganas yang menyebabkan perpecahan masyarakat."
3. Kami menggesa masyarakat Islam setempat untuk tetap bertenang demi menjaga keharmonian bangsa dan agama di Singapura serta yakin bahawa agama Islam menawarkan solusi kepada semua masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di pelbagai negara.
4. Sesuai dengan nilai murni al-Quran dalam memberi keterangan kepada orang-orang yang belum mengenal agama Islam, al-Quran telah menerangkan sebagai berikut: "Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk." (Surah An-Nahl: 125)
5. Persatuan Muhammadiyah menghargai usaha pemerintah Singapura serta badan-badan agama setempat dalam mengukuhkan keharmonian kaum dan memelihara keamanan negara ini. Kami berdoa agar Allah s.w.t kurniakan penyelesaian terbaik buat segala bentuk kekeliruan dan pertelingkahan yang berlaku di dunia ini.

PERSATUAN MUHAMMADIYAH

